

29/07/2002

Abdullah berpegang kuat prinsip taatkan ketua

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, beliau berpegang kuat kepada sifat taatkan ketua dan memahami tugasnya sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Beliau berkata, dalam tentera, misalnya, cuma ada seorang jeneral yang berkedudukan paling tinggi dan tidak ada jeneral lain yang sama besar atau lebih tinggi kedudukannya.

"Saya berpegang kuat kepada itu. Dalam Umno hanya satu presiden. Dalam Barisan Nasional (BN) hanya satu pengerusi. Dalam kerajaan hanya satu Perdana Menteri dan orangnya adalah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya adalah timbalan dan dengan itu saya mesti memahami dan saya memahami tugas saya pada waktu ini hanya sebagai timbalan," katanya selepas menghadiri Hari Keluarga Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Taman Wetland di sini, hari ini.

Abdullah berkata demikian ketika ditanya pemberita bahawa setiap kenyataannya selepas dinamakan oleh Dr Mahathir sebagai penggantinya menjelang Oktober tahun depan, kelihatan tidak mendahului Perdana Menteri dan begitu taat sekali kepada ketua.

Ini kerana sebelum ini ada timbalan kepada Dr Mahathir bukan saja cuba menyaingi malah berusaha menjatuhkan Perdana Menteri. Namun, kedudukan Dr Mahathir tidak tergugat dan kini merangka pelan peralihan kuasa untuk menyerahkan kepemimpinan parti dan kerajaan kepada Abdullah pada Oktober 2003.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir di Genting Highlands kelmarin bahawa beliau mungkin mengetuai BN bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, Abdullah berkata kenyataan itu adalah sebagai sesuatu kemungkinan.

"Bagi saya, kalaulah tiba masanya saya yang kena mengetuai jentera BN dalam pilihan raya akan datang, maka saya kenalah laksanakan tugas dan tanggungjawab itu," katanya.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Hotel First World di Genting Highlands Jumaat lalu, Dr Mahathir berkata kemungkinan Abdullah mengetuai BN dalam pilihan raya umum akan datang kerana ketika itu, timbalannya sudah menjadi Perdana Menteri serta Pengerusi BN.

Kenyataan Perdana Menteri itu dilihat pemerhati politik sebagai bayangan kemungkinan pilihan raya umum akan datang diadakan selepas Oktober 2003 iaitu selepas Abdullah mengambil alih jawatan Perdana Menteri.

Mandat kerajaan sekarang, hanya berakhir pada November 2004 tetapi sejak Dr Mahathir mengumumkan hasrat meletak jawatan baru-baru ini, khabar angin tersebar luas mengenai kemungkinan pilihan raya umum akan datang diadakan tahun depan.

Dengan kemungkinan pemilihan dalam Umno yang dijadualkan Jun tahun depan ditangguhkan sehingga selepas pilihan raya umum nanti, memperkuatkan lagi andaian bahawa pilihan raya umum itu diadakan tahun depan.